



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 OKTOBER 2018 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Adun gesa MPAJ buat siasatan terperinci 24

Utusan Malaysia

- Kualiti jalan masih memalukan 55-56

The Star

- Unwelcome 'neighbours' 03



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 OKTOBER 2018 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Adun gesa MPAJ buat siasatan terperinci
Muka Surat	24

HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003 / 019 6680275

SH 9/10/18 M/S 24.

Adun gesa MPAJ buat siasatan terperinci

PANDAN INDAH - Kaki-tangan Pusat Khidmat Adun Teratai telah menghantar surat kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk menjalankan siasatan terperinci berhubung insiden jalan mendap di Bukit Permai.

Adun Teratai, Bryan Lai Wai Chong berkata, beliau telah menjumpai permukaan jalan yang retak berhampiran jalan yang baharu diturap susulan insiden jalan mendap.

"Pihak Indah Water Consortium Sdn Bhd (IWK) telah menghantar laporan siasatan tapak kepada saya selepas siasatan kejadian tanah mendap di jalan itu, mengikut laporan yang disediakan oleh agensi berkenaan, mereka mendakwa tidak terlibat dalam kejadian tanah mendap tersebut," katanya.

Sementara itu, Pegawai Khas Adun Teratai, Mohd Firdaus Babh berkata, Pejabat Adun akan bekerjasama dengan semua pihak memantau secara berkala kawasan tersebut.

"Kita akan membantu dari segi pemantauan sementara siasatan akan dilaksanakan oleh pegawai



MPAJ.

"Saya menyeru penduduk sekitar untuk melaporkan apa-apa perubahan fizikal yang berlaku di kawasan Bukit Permai dan cerun bersebelahan Pangsapuri Intan kepada Pejabat Adun Teratai agar tindakan segera dapat diambil," katanya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan dua agensi iaitu Air Selangor dan IWK perlu mengenalpasti punca kejadian tanah mendap dan dakuwaan air berbau busuk di kawasan tersebut.

Bryan Lai bersama Ahli Majlis MPAJ telah mengadakan lawatan di lokasi kejadian, mereka mendapati saliran air kumbahan pada main hole IWK dipercayai tersumbat sebelum ini, namun setelah pihak berkenaan melakukan flushing, saliran air itu kembali lancar.

Pihak IWK telah membaik pulih runtuhannya selepas siasatan yang dijalankan oleh MPAJ, Air Selangor dan IWK sendiri.



Bryan Lai (kanan) menerima laporan siasatan daripada IWK.

Permukaan jalan yang retak.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 OKTOBER 2018 (SELASA)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kualiti jalan masih memalukan
Muka Surat	55-56

SELASA • 09.10.18

UTUSAN KOTA

kota@utusangroup.com.my

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

Penduduk rayu isu rumah diberi perhatian

Nasib lebih 3,000 penduduk Jinjang Selatan Tambahan di Kepong yang diarah oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengosongkan penempatan untuk tujuan pembangunan.

» BERITA DI MUKA 57

Kualiti jalan masih memalukan

um 9/10/18
ms 55-56

MASALAH jalan berlubang, mendap, berpasir, tampalan tidak sempurna dan retak sehingga menjadi punca kemalangan bukan perkara asing bagi warga Kuala Lumpur.

Di sebalik peruntukan berjumlah jutaan ringgit yang disediakan oleh kerajaan untuk tujuan baik pulih, rakyat masih dibelenggu masalah yang sama saban tahun.

Kemelum itu secara tidak langsung mencetuskan persoalan tentang sejauh mana ketelusan pihak berkuasa dalam pelaksanaan projek dan kecekapan penguatkuasaan, lapor **NIK HAFIZUL BAHARUDIN**.

MUKA 56

Pengguna tidak berpuas hati masalah jalan raya tidak berkualiti, cepat rosak

Peruntukan besar, isu tidak selesai

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 OKT.

MASALAH kerosakan jalan raya di sekitar ibu kota bagaikan isu yang tidak berkesudahan walaupun sering mendapat liputan media.

Maka tidak hairanlah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) memperuntukkan RM137.2 juta di bawah Peruntukan Mengurus Bajet 2018 untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya, cerun, sungai, longkang dan lorong belakang di sekitar Kuala Lumpur.

REAKSI

"MASALAH jalan rosak perlu diatasi segera oleh pihak berkuasa tempatan untuk mengelakkan kejadian buruk menimpa pengguna jalan raya."



MARCSOO
Eksekutif Pemasaran

"ISU jalan rosak tidak seharusnya dipandang remeh oleh pihak berwajib meskipun ia berada jauh di kawasan taman perumahan sekali pun. Soal nyawa dan keselamatan pengguna tidak harus diperjuangkan."



AHMAD SAFWAN
MOHD. RAKBI
Jurutera

"MUNGKIN semua orang tahu bagaimana perasaan ketika memandu di laluan yang rosak terutama pada waktu malam. Bukan sahaja tidak selesa tetapi hati juga sakit bila memikirkan beban kewangan untuk membaiki kenderaan yang mengalami kerosakan."

MOHAMAD NAJIB
SHAMSUDIN
Operator kilang



TAKUNGAN air menunjukkan kualiti turapan jalan raya yang tidak menepati piawaian.

Sementara di bawah Peruntukan Pembangunan pula, DBKL menyediakan pembiayaan terbesar bagi kerja-kerja pembinaan, penyuraian serta menaik taraf jalan raya dengan peruntukkan berjumlah RM294.1 juta melalui 37 projek.

Walaupun kerajaan memperuntukkan jumlah yang be-

sar untuk kerja-kerja membaiki pulih jalan raya, masalah kerosakan tetap berlaku disebabkan pelbagai faktor seperti cuaca, kualiti bahan binaan dan beban daripada jumlah kenderaan yang semakin bertambah di jalan raya.

Usaha DBKL dalam menyediakan peruntukkan untuk meningkatkan kualiti kemudahan awam

itu adalah langkah yang wajar diuji oleh warga kota.

Namun dalam pelaksanaan tanggungjawab itu, rakyat mahu melihat peningkatan kualiti perkhidmatan yang lebih dipercayai.

DBKL bukan sahaja perlu bertindak efisien dalam menyelesaikan aduan rakyat berhubung masalah jalan rosak malah perlu memantau dengan kerap laluan yang dianggarkan sepanjang 3,000 kilometer di ibu kota tanpa perlu menunggu aduan orang ramai.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar bandar raya baru-baru ini mendapati, terdapat lebih lima lokasi jalan yang mengalami kerosakan teruk di kawasan Keramat, Wangsa Maju, Dataran Merdeka dan Lembah Pantai.

Antara kerosakan yang biasa berlaku adalah jalan berlubang, tidak rata, tampalan mudah pecah, merekah, laluan berbatu dan berpasir.

Kedua-dua jalan yang tidak sempurna itu bukan sahaja

mengganggu aliran trafik malah berisiko mendatangkan kecelakaan kepada pengguna jalan raya.

Pengguna motosikal merupakan antara golongan pengguna yang paling berisiko sekiranya berdepan dengan situasi itu terutama pada waktu malam dan ketika hujan.

Pemerhatian juga mendapati, masalah jalan rosak banyak ditemui berdekatan kawasan pembinaan bangunan dan lokasi laluan yang dinaik taraf.

Hal ini secara tidak langsung mencetuskan persoalan mengenai tahap pematuhan terhadap garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Sehubungan itu, DBKL dan lain-lain agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), pemaju dan konsesi lebuhraya perlu memandang serius masalah tersebut dan menjadikannya fokus utama tindakan kerana ia melibatkan isu keselamatan dan kesejahteraan awam.



PERMUKAAN jalan raya yang berlubang dan berpasir di Keramat AU3, Kuala Lumpur di sini.

DBKL kawal kerja korekan syarikat utiliti

KUALA LUMPUR 8 Okt. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan kawalan terhadap syarikat utiliti yang melakukan korekan jalan sehingga menyebabkan masalah kerosakan jalan raya di sekitar ibu kota.

Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL, Datuk Mohd. Najib Mohd. berkata, tindakan itu sebagai usaha mengatasi masalah jalan rosak selain memastikan kerja-kerja korekan dibuat dengan sempurna.

MAKLUM BALAS

"DBKL menetapkan peraturan tertentu terhadap kerja-kerja korekan selain melakukan ujian ketahanan jalan. Jika mereka (syarikat utiliti) patuhi peraturan dan lulus ujian berkenaan, baru kami terima."

"Syarikat tersebut perlu membuktikan bahawa kerja-kerja pembaikan jalan selepas korekan selesai telah dibuat ke tahap sepatutnya dan memuaskan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau diminta mengulas mengenai masalah jalan rosak yang kerap berlaku di ibu kota sehingga menimbulkan kesulitan, rungutan dan kebimbangan orang ramai mengenai isu keselamatan dan kesejahteraan pengguna.

Menurut Mohd. Najib, pihaknya juga menjalankan pemantauan berterusan terhadap kerja-kerja korekan oleh syarikat utiliti yang diawasi oleh jurutera bertauliah.

Ditanya mengenai sejauh



MOHD. NAJIB

mana tahap keseriusan isu jalan rosak di bandar raya ini, beliau berkata, masalah itu nampak semakin baik namun tidak boleh dielakkan disebabkan pelbagai projek seperti Transit Aliran Massa (MRT) berjalan ketika ini.

"Selain itu, di Jalan Tun Razak juga menyaksikan pembinaan persimpangan jalan baharu menyebabkan keadaan jalan tidak begitu sempurna namun diawal sepegunya oleh DBKL," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 OKTOBER 2018 (SELASA)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Unwelcome 'neighbours'
Muka Surat	03

STARMETRO, TUESDAY 9 OCTOBER 2018

News 3



Scavengers store trash they collect from dumpsites inside abandoned units in Palma Apartments, Bandar Country Homes in Rawang. — Photos: AZLINA ABDULLAH/The Star



The backyard of Palma Apartments is unkempt.



Some residents have chicken coops at their units in Palma Apartments.

Stories by EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

FAMILIES residing at the PPR Palma Apartments in Bandar Country Homes, Rawang, are forced to face rubbish and filth every day the minute they exit their units.

There are 16 blocks of five-storey walk-up apartments in the low-cost flats which were built in 2001. Old mattresses, broken furniture, metal items and used clothes, dumped in abandoned units are posing a health risk, as residents say that these things have attracted insects and rodents.

Scavengers have been storing items from dumpsites at various abandoned units throughout the apartment blocks.

Palma Apartments Neighbourhood Watch (KRT) Block 5 chief Rostinah Adnan said scavengers were using the abandoned units to store trash that they got from dumpsites.

"Our checks show that there are an estimated 300 abandoned units throughout the 16 blocks. Drug addicts also use the vacant units," she said.

KRT is under the purview of the National Unity and Integration Department in the Prime Minister's Department.

"People bought these units for RM42,000 and they have left because of bad hats who moved into some units."

"A few units on the ground floor are rented out to migrants workers. Some migrants renting units have also done illegal extensions to create additional rooms," she said.

Rostinah said none of the blocks were ever painted over the past 17

Unwelcome 'neighbours'

About 300 vacant low-cost units in Rawang township being used by addicts and scavengers

years. "The entire area is in a deplorable condition," she said adding that despite complaints to Selayang Municipal Council's (MPS) Building Department, no action had been taken to tear down the illegal extensions.

Resident Sutra Ali Abd Raman, 55, who is the KRT safety unit deputy head said he was frustrated with MPS for not demolishing the illegal structures. In some instances, the kitchen extensions extended out and covered half of the street lamps outside.

Other illegal extensions, he said blocked off water meters.

"Some residents have chicken coops which are outside their units on the ground floor."

"Migrant residents rear chickens as a food source but this is an urban environment. Local residents are afraid of diseases as chicken droppings are everywhere," he said.

Resident Amran Mat Desa, 43, who has lived in Palma Apartments for 10 years, was annoyed to constantly see overflowing domestic garbage at communal bins.

"Collection of garbage is not done regularly and it is difficult to walk past these bins as there is an overpowering stench. As we enter Palma Apartments from Jalan Desa



Students walking past community bins which cannot accommodate the number of garbage bags. The stench from the rubbish is unbearable.

Ria, the garbage bins are always full with garbage spilling over," he said.

"It is a health risk. KDEB Waste Management Sdn Bhd must provide more bins and remove the broken ones. The company should not allow leachate on the road," he said.

Amran added that there were several makeshift stalls of Jalan Desa Ria near the apartments that were operating without proper water supply.

He said MPS should look into these stalls too as there was a possibility for water borne diseases like cholera and typhoid. The stalls also attract rodents.

Amran said that waste water from the stalls flowed into an earth-cut drain next to the apartment.

MPS councillor P Mariamman S. Ponnasamy, who took office on July 26, assured the residents that she would discuss the garbage issues with KDEB.

"I will seek the assistance of MPS president Suliman Abd Rahman to get KDEB to remove the trash from the vacant apartments. After cleaning up, we will seal the vacant units," she said.

Mariamman urged KDEB to provide enough garbage bins with lids and ensure that the trash was collected regularly.

She added that the matter of the illegal extensions at the PPR would be brought up to MPS' Building Department.

MPS to act against those who carried out illegal renovations

SELAYANG Municipal Council (MPS) president Suliman Abd Rahman said the council's Buildings Department will visit Palma Apartments soon to identify the number of units which have carried out illegal building extensions.

"MPS will not tolerate building extensions done without approval

from the council. If tomorrow, these extensions give way it could endanger people," he said.

According to an MPS officer, the extensions on the ground floor were slated to be demolished.

On the stalls operating in an unhygienic environment without proper water supply, Suliman said MPS' Health Department would

investigate. "MPS is serious about health issues and we will confiscate all the chicken coops and birds from those keeping them at Palma Apartments," he added.

Suliman said action would be taken against those who contravene the council's by-laws.

On community bins, KDEB Waste

Management public relations and administration head Mahfuzah Muhammad Tarmidi said this was under the purview of MPS and its operations unit would discuss with the council on the number of bins that are needed for each block.

"We understand that the high number of people living in the 16 blocks had contributed to a large

amount of domestic garbage.

"KDEB's operations unit is facing difficulty as people tend to place their garbage later in the morning, that is after the collection time of day."

"Our officers will work out a schedule to better serve the residents of Palma Apartments," added Mahfuzah.